

MAHATHIR-AUSTRALIA
(1)

1982

KUALA LUMPUR, 2 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MEMINTA AUSTRALIA SUPAYA MENIMBANGKAN SEMULA DASAR IHIGRESENNYA DALAM HANYA MENERIMA RAKYAT MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN SAHAJA UNTUK TINGGAL TETAP DI SANA.

+DASAR MENGAMBIL ORANG MALAYSIA YANG MEMPUNYAI KELAYAKAN YANG TINGGI SAHAJA TIDAK ADIL KEPADA RAMAI RAKYAT MALAYSIA YANG KURANG BERKELAYAKAN YANG JUGA INGIN MENETAP DI AUSTRALIA,+ KATANYA.

BERUCAP DI MAJLIS MAKAN MALAM MERAIKAN RAKAN SEJAWATNYA DARI AUSTRALIA ENCIK MALCOLM FRASER, PERDANA MENTERI BERKATA AKIBAT DASAR SEBEGITU RUPA MALAYSIA TERPAKSA MENANGGUNG ORANG-ORANG INI YANG TIDAK DAPAT MENYESUAIKAN DIRI DENGAN KEADAAN DI SINI.

+MEREKA INI ENGGAN MENERIMA KEHENDAK MAJORITI DAN SENTIASA MEWUJUDKAN ISU-ISU DAN MENGHASUT ORANG-ORANG ASING YANG KURANG BERPENGETAHUAN TENTANG MALAYSIA SUPAYA MENCEMARAKAN IMEJ MALAYSIA,+ KATANYA.

+KITA BERHARAP ANDA AKAN MENIMBANGKAN SEMULA DASAR TERSEBUT DAN MENGAMBIL MEREKA INI JUGA,+ TAMBAHNNYA.

+PENGALAMAN MENUNJUKKAN APA YANG DIBANTAH MEREKA DI MALAYSIA AKAN MEREKA MENERIMA TANPA SOAL DI AUSTRALIA DAN DI NEGARA-NEGARA BARAT LAIN,+ KATANYA DAN MENJELASKAN MASALAH MEREKA ITU PADA ASAGNYA IALAH PERABAAN SEAKAN-AKAN DIRI LEBIH RENDAH DARIPADA ORANG LAIN. -- LAGI 2251/AZ

B644:

MAHATHIR-AUSTRALIA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA GEMBIRA KERANA AUSTRALIA MENENTANG DASAR PERLINDUNGAN. BAGAIMANAPUN, PENDIRIAN NEGARA ITU MASIH BELUM MENGAKIBATKAN KEMASUKAN YANG LEBIH BEBAS BAGI BARANG-BARANG MALAYSIA KE PASARAN AUSTRALIA.

SEMENTARA ITU, MALAYSIA SEDANG MEMBELI JUMLAH BESAR BARANG-BARANG AUSTRALIA DAN AKAN MEMBELI LEBIH BANYAK LAGI APABILA KILANG DESIWAJA DAN JANAKUASA YANG MENGGUNAKAN ARANG BATU DIGERAKKAN, KATANYA.

BELIAU MENEGASKAN LANGKAH PERLU DIAMBIL UNTUK MEMBETULKAN KETIDAKIMBANGAN PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA YANG KINI MEMIHAK AUSTRALIA.

+KAMI BERPENDAPAT NEGARA-NEGARA YANG DALAM PROSES PER-INDUSTRIAN SEPERTI MALAYSIA HARUS DIBERI PELUANG MENJALANKAN KEGIATAN TEKNOLOGI RENDAH DI MANA KOS AKAN DAPAT DIKURANGKAN SEMENTARA NEGARA-NEGARA MAJU MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA TEKNOLOGI TINGGI,+ KATANYA.

+DENGAN CARA INI, PEMBAGIAN ANTARABANGSA BURUH DAPAT DIADAKAN YANG AKAN MEMBERI FAEDAH KEPADA SEMUA,+ TAMBAHNNYA. -- LAGI 2254/AZ

B645:

MAHATHIR-AUSTRALIA 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA MALAYSIA KURANG MENARUH MINAT TERHADAP KOMANWEL DISEBABKAN PELBAGAI SEKATAN HINGGA IA TIDAK DAPAT MENIKMATI KEISTIMEWAAN SEBAGAI ANGGOTA SEPRTI DULU.

+SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG PADA SATU MAS MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA EMPAYAR BRITISH, KAMI MENJADI PASARAN KEISTIMEWAAN UNTUK BARANG-BARANG DARI KOMANWEL,+ KATANYA.

+TETAPI, MALANGNYA SEBAIK SAHAJA KITA MENCAPAI KEMERDEKAAN, KOMANWEL TIDAK LAGI MENJADI PASARAN KEISTIMEWAAN BAGI NEGARA-NEGARA KOMANWEL,+ TAMBAHNNYA.

BELIAU BERKATA WALAUPUN TARAF KOMANWEL TELAH MEROSOT KEPADA TAHAP YANG KURANG DISANJUNGI, MALAYSIA MASIH MEMELIHARA HUBUNGAN DENGANNYA.

BAGI AUSTRALIA, KEDEKATANNYA DENGAN MALAYSIA DARIPADA KOMANWEL YANG MEMPENGARUHI HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA, KATANYA.